

Bahasa Melayu Tahun 4.

Soalan Kefahaman.

Sila baca petikan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Penduduk Kampung Nakhoda Selamat ditimpa musibah banjir kilat. Encik Ram dan Encik Sam merupakan penduduk Kampung Nakhoda Selamat. Rumah Encik Sam mengalami kerosakan teruk akibat banjir tersebut manakala rumah Encik Ram terselamat. Pengerusi Kampung Nakhoda Selamat mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan bantuan kilat kepada penduduk Kampung Nakhoda Selamat. Semua penduduk Kampung Nakhoda Selamat diberikan sekeping borang bagi tujuan mengumpul data penduduk yang terkesan. Encik Ram sangat teruja ingin membantu jiran yang terkesan dan berniat menjadi salah seorang penyumbang. Beliau mengisi borang tersebut dengan tergesa-gesa tanpa membaca kandungan borang dengan cermat. Encik Sam juga segera mengisi borang tersebut kerana beliau sangat terkesan akibat musibah banjir tersebut. Seminggu kemudian Encik Sam dan Encik Ram menerima surat daripada Pengerusi Kampung Nakhoda Selamat untuk menerima sumbangan berbentuk wang ringgit. Encik Sam sangat bersyukur kerana bakal menerima sumbangan manakala Encik Ram berasa malu kerana namanya turut tersenarai dalam penduduk yang terkesan. Encik Ram menyedari beliau tersalah mengisi maklumat dan berasa kesal dengan tindakan tidak berhati-hati ketika mengisi borang yang diberikan.



1. Apakah musibah yang menimpa Penduduk Kampung Nakhoda Selamat?
 - A. Ribut taufan
 - B. Banjir kilat
 - C. Letusan gunung berapi
2. Apakah tindakan yang dilakukan Pengerusi Kampung Nakhoda Selamat bagi membantu penduduk yang terjejas?
 - A. Memberikan rumah untuk perlindungan.
 - B. Memberikan makanan dan minuman percuma
 - C. Memberi bantuan berbentuk wang ringgit.
3. Pada pandangan anda adakah Encik Ram layak menerima bantuan tersebut?
 - A. Layak
 - B. Tidak layak